

## LAMPIRAN B

### FORMAT BORANG PERMOHONAN SARINGAN AWAL PROGRAM AKADEMIK BAHARU

No.	Penerapan Saringan	Penerangan
1.	<b>Institusi Pengajian Tinggi</b>	Nyatakan nama IPT.
2.	<b>Program Akademik Yang Dipohon</b>	(i) Nyatakan nama program akademik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Contoh: <i>Sarjana Muda Undang-Undang Bachelor of Laws</i> (ii) Nyatakan sama ada program akademik perlu diiktiraf oleh mana-mana badan profesional. Contoh: Badan Peguam Malaysia ( <i>Malaysian Bar Council</i> ). (iii) Sekiranya ia melibatkan penawaran bersama institusi lain, nyatakan nama institusi dan nama program yang berkaitan di institusi berkenaan.
3.	<b>Bidang Tujahan IPT</b>	(i) Nyatakan bidang tujahan IPT. (ii) Nyatakan kesesuaian dengan visi, misi dan matlamat IPT serta aspirasi negara dan kepentingan global.
4.	<b>Entiti Akademik Yang Memohon</b>	Nyatakan nama penuh entiti akademik yang memohon program akademik baharu.
5.	<b>Sesi Pengajian Program Akademik Dimulakan</b>	Nyatakan semester dan sesi pengajian program akademik akan dimulakan. Contoh: Semester I Sesi 2016/2017 (September 2016).
6.	<b>Jangka Masa Pengajian Dan Kaedah Penyampaian</b>	(i) Nyatakan jenis pengajian sama ada sepenuh masa atau separuh masa serta jangka masanya dalam semester dan tahun. (ii) Nyatakan tempoh minimum dan maksimum pengajian. (iii) Nyatakan kaedah penyampaian yang meliputi kuliah, tutorial, amali, sesi pembelajaran berpusatkan pelajar, sesi pembelajaran atas talian, dan lain-lain mengikut peratus jam pembelajaran sama ada konvensional, jarak jauh atau dalam/atas talian atau lain-lain.

No	Tajuk	Maksud
7.	<b>Justifikasi Mengadakan Program Akademik</b>	Justifikasi yang dikemukakan boleh merangkumi rasional berikut: (i) Keperluan tenaga manusia negara. Peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta mengikut permintaan dalam pasaran semasa dan prospek jangka panjang. Analisis di bahagian ini perlu membincangkan: a. unjuran statistik keperluan tenaga manusia; b. jenis pekerjaan yang berkaitan; c. bidang-bidang perkhidmatan yang memerlukan graduan-graduan program akademik ini; dan d. keperluan pasaran (sertakan kajian pasaran) (ii) Perkembangan dan perubahan teknologi. (iii) Jika program dijalankan bersama institusi lain, nyatakan keperluan kerjasama dan justifikasi pemilihan institusi berkenaan.
8.	<b>Analisis Keperluan</b>	Analisis keperluan perlu mengandungi item di bawah: (i) Nyatakan keperluan badan profesional (jika berkaitan). (ii) Nyatakan keperluan perjawatan sama ada memadai dengan perjawatan sedia ada atau penambahan baharu. (iii) Nyatakan keperluan fizikal sama ada memadai dengan keperluan fizikal sedia ada atau penambahan baharu. (iv) Nyatakan implikasi kewangan yang berkaitan. (v) Nyatakan kelestarian program dengan memfokus kepada isu sejauh manakah program dijangka bertahan di pasaran. (vi) Jika berkaitan, nyatakan kajian/keperluan penjumudan program sedia ada.